

## SIMPULAN BAHASA

Walaupun telah berunding selama lima jam, mereka masih belum mendapat \_\_\_\_\_ bagi menyelesaikan masalah yang rumit itu.

- A jalan keluar
- B jalan belakang
- C jalan pintas
- D jalan tengah

Oleh kerana Siti seorang yang sangat teliti, dia \_\_\_\_\_ untuk menyiapkan kerja sekolahnya agar tidak melakukan kesilapan.

- A mengambil peluang
- B mengambil langkah
- C mengambil berkat
- D mengambil mesa

Kecantikan corak kain-kain batik itu menyebabkan pelancong Jepun itu \_\_\_\_\_ sehingga dia tidak tahu yang mana satu hendak dibelinya.

- A gelap mata
- B putih mata
- C rambang mata
- D Rabun mata

Budak yang ..... itu tidak mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang sedang diajar.

- A terang hati
- B sampai hati
- C cekal hati
- D ada hati

Rahman merupakan ..... pasukan Harimau. Tidak hairanlah segala kemahuannya dituruti.

- A tulang belakang
- B keras tulang
- C ringan tulang
- D tulang empat kerat

Sahabat yang baik tidak patut ..... kawan di hadapan rakan-rakan yang lain.

- A membuka tembelang
- B membuka langkah
- C membuka mulut
- D membuka mata

Kita janganlah lekas marah dan terlalu mengikut ..... , nanti kita juga yang akan menyesal.

- A darah gemuruh
- B darah daging
- C darah muda
- D darah dingin

Amran berkata, "Inilah ..... saya. Saya tidak akan pergi lagi ke situ."

- A kata sepakat
- B kata hikmat
- C kata dua
- D kata putus

Mat Deris begitu ..... menanam pokok buah-buahan di sawah yang telah lama terbiar.

- A ada hati
- B cekal hati
- C kecil hati
- D rendah hati

Sejak peristiwa itu Puan Salwa ..... untuk membenarkan anaknya menyertai perlawanan bola sepak.

- A. jauh hati C. berat hati
- B. kecil hati D. patah hati

En. Hamidon seorang yang ..... Beliau sentiasa menghormati dan melayani pekerja-pekerjanya .

- A. rendah diri B. mata duitan
- C. pilih kasih D. hidung tinggi

Pemuda teksi itu tidak sanggup ..... dengan penumpangnya yang kurang sopan.

- A. berhati batu C. bertegur sapa
- B. berhati perut D. bertikam lidah

Tetamu yang baru dikenali itu diterima oleh keluarganya dengan .....

- A. cepat tangan B. bekas tangan
- C. tangan sejuk D. tangan terbuka

Tuan doktor, kami berdua sudah lima tahun berkahwin, tetapi masih belum mendapat .....

- A. anak tiri
- B. anak emas
- C. anak angkat
- D. cahaya mata

Kawan-kawan sekalian, kita mestilah ..... dengan kejayaan mereka kalau mereka boleh mengapa kita tak boleh.

- A. ambil hati
- C. iri hati
- B. cekal hati
- D. besarhati

Puan Eda baharu pulang dari Jepun. Mari kita pergi jumpa dia. Kalaunasib kita baik kita akan dapat .....

- A. bekas tangan
- B. tanda mata
- C. buah hati
- D. mengadu nasib

28. Urusan ..... kereta Proton Satria itu diserahkan kepada Syarikat Sinar Baru.

- A. campur tangan
- B. guna tenaga
- C. temu janji
- D. jual beli

Bencana alam yang melanda Kobe menyebabkan makanan bertambah mahal.

- A. harga mati C. jual mahal
- B. naik harga D. harga tetap

Semasa taklimat kepada ibu bapa, Guru Besar menerangkan satu persatu keputusan peperiksaan anak-anak di Tahun Enam.

- A. panjang akal B. panjang lebar C. panjang lidah D. panjang bicara

Pelanggan-pelanggan di warung Pak Mat Noor berbual –bual dengan tidak menentu dan membuang masa sahaja.

- A. cakap besar
- B. khabar angin
- C. omong kosong
- D. mengado domba

Pakcik Ismail tidak akan mendengar walaupun kita bercakap kuat dengannya kerana dia

- A. telinga lintah
- B. telinga pekak
- C. pekak tuli
- D. pekak badak

Sewaktu berada di komplek membeli-belah itu saya menjadi .....kerana terlalu banyak barang yang menarik.

- A. gelap mata
- B. rambang mata
- C. pening kepala
- D. rambang hati

Kakinya luka terpijak paku kerana tabiatnya yang gemar ..... apabila rayau di belakang rumah.

- A. berkaki bangku
- B. berkaki ayam
- C. berkaki botol
- D. berkaki bola

Walaupun Puan Rogayah ..... , namun dia sangat disayangi oleh anak-anak Encik Zali kerana tingkahlakunya yang baik.

- A. ibu angkat
- B. anak emas
- C. buah hati
- D. ibu tiri

Sejak tamat sekolah, kerjanya cuma ..... di rumah. Dia sedikitpun tidak mahu berusaha mencari kerja.

- A. makan angin
- B. memilih bulu
- C. makan tidur

D. bermain mata

Walaupun badannya kecil tetapi dia berlari laju macam .....

- A. rusa masuk kampung
- B. beruang dalam belukar
- C. kuda belang
- D. lipas kudung

Jika kita pertama kali ke Kuala Lumpur kita akan tercengang-cengang seperti

- A. rusa masuk kampung
- B. burung dalam sangkar
- C. ayam kehilangan anak
- D. anjing menyalak bukit

Pasukan Bolasepak Selangor tidak puas hati dengan keputusan pengadil itu. Mereka mendakwa pengadil itu .....

- A. berat perut
- B. berat badan
- C. berat mata
- D. berat sebelah

Kawasan sekolah itu semak-samun kerana pekerjanya suka .....

- A. curi hati
- B. curi tulang
- C. curi ayam
- D. curi kerja

" ..... apabila saya mengajar !" kata Cikgu Amid dengan keras.

- A. Dengar telinga
- B. Dengan lihat
- C. Pasang telinga
- D. Pasang mata

Walaupun badannya kecil tetapi dia berlari laju macam .....

- A. rusa masuk kampung
- B. beruang dalam belukar
- C. kuda belang
- D. lipas kudung

Jika kita pertama kali ke Kuala Lumpur kita akan tercengang-cengang seperti .....

- A. rusa masuk kampung
- B. burung dalam sangkar
- C. ayam kehilangan anak
- D. anjing menyalak bukit

Pasukan Bolasepak Selangor tidak puas hati dengan keputusan pengadil itu. Mereka mendakwa pengadil itu .....

- A. berat perut
- B. berat badan
- C. berat mata
- D. berat sebelah

Kawasan sekolah itu semak-samun kerana pekerjanya suka .....

- A. curi hati
- B. curi tulang
- C. curi ayam
- D. curi kerja

Kakak jiran di sebelah rumah saya pemurah orangnya tetapi dia suka menceritakan hal orang lain.

- A. buah mulut
- B. murah mulut
- C. mulut besar
- D. bawa mulut

Fatimah bergaduh dengan Chua adalah disebabkan Tijah menjadi .....

- A. hati batu
- B. kepala batu
- C. batu keras
- D. batu api

Encik Kadir mendapat sokongan..... dari guru-guru untuk menjadi pengurus kebajikan.

- A. sepenuh hati
- B. sepenuh suara
- C. sebulat suara
- D. sepenuh isi

Mak Cik Ara adalah seorang yang ..... sebab itu dia sangat disukai oleh penduduk Kampung Berata.

- A. panjang tangan
- B. berat tulang
- C. buah mulut
- D. buah tangan

Emak selalu membawa ..... untuk kami apabila pulang dari luar negeri.

- A. buah-buahan
- B. buah hati
- C. buah tangan
- D. ringan tulang

Akibat sikapnya yang ..... itu, dia sanggup membunuh abangnya sendiri.

- A. panas baran
- B. gila babi
- C. gila pangkat
- D. naik angin

Akibat sikap yang tidak bertanggungjawab, habis dinding-dinding tandas awam diconteng oleh remaja-remaja yang .....

- A. gatal tangan
- B. lepas tangan
- C. panjang tangan
- D. buah tangan

Razak adalah satu-satunya anak Encik Bosri sebab itu dia ditatang seperti

- A. minyak wangi
- C. minyak hampir jatuh
- B. minyak yang penuh
- D. minyak masak

Orang yang ..... biasanya dia tidak ada kawan.

- A. panjang tangan
- B. buah tangan
- C. berat tangan
- D. depa tangan

Orang yang mempunyai ..... yang baik sentiasa disanjung orang.

- A. budi bahasa
- B. bahasa bunga
- C. budi-budian
- D. mulut berbahasa

..... yang didengarnya dari orang-orang kampung menyebabkan dia sentiasa bersedih dan tidak lalu makan.

- A. Makan angin
- B. Naik angin
- C. Khabar angin
- D. Mulut tempayan

Ain berasa ..... kerana tidak dapat menjawab semua soalan peperiksaan dengan baik.

- A. senang hati
- B. terang hati
- C. buta hati
- D. susah hati

Chua ..... apabila melihat wang yang begitu banyak di atas mejanya.

- A. cari jalan
- B. sua muka
- C. besar hati
- D. gelap mata

..... yang dilakukan oleh pihak pemberontak itu dapat menawan due puluh orang duta dari negara luar.

- A. Serkap jarang
- B. Serang hendap

C. Panjang tangan D. Pukul curi

"Nampaknya, tahun ini padi kita ..... ". kata Wak Seman kepada isterinya

- A. kurang manis
- B. kurang umur
- C. kurang jadi
- D. kurang tua

Dia suka membeli barang-barang yang berjenama mahal, maklumlah

- A. makan hati berulam jantung.
- B. sudah jatuh ditimpa tangga.
- C. besar periuk, besarlah keraknya.
- D. beringat-ingat sebelum kena.

Hasanol memang ..... sehingga sekarang pun dia masih tahu membaca dan menulis.

- A. otak udang
- B. otak cair
- C. otak beku
- D. otak-otak

Beberapa orang ..... yang mengatur perlawanan bola sepak itu telah diberkas polis.

- A. kaki bangku
- B. kaki minum
- C. kaki ayam
- D. kaki judi

Berita tentang kejayaannya mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang menjadi ..... jiran tetanggannya.

- A. buah mulut
- B. buah hati
- C. buah tangan
- D. anak buah